



**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

NOTIS MAKLUMAN

**PERKHIDMATAN PEMBAYARAN CUKAI MENGGUNAKAN KAD
AKAN MULA DILAKSANAKAN PADA HARI ISNIN, 13 MEI 2019**

Dalam usaha untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) akan memperkenalkan kaedah pembayaran baru menggunakan kad kredit atau debit di kaunter-kaunter pembayaran JKED yang terpilih bermula pada hari Isnin, 13 Mei 2019 nanti.

Inisiatif ini dilaksanakan bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada orang ramai membayar cukai dengan menggunakan kad kredit atau debit sebagai alternatif pembayaran selain daripada menggunakan wang tunai yang mana adalah lebih mudah dan selamat. Kaedah pembayaran baru ini akan dilaksanakan di kaunter-kaunter perkhidmatan kastam seperti berikut:

1. Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Ibu Pejabat JKED;
2. Pusat Memproses Mel, Berakas;
3. Bahagian Penumpang, Lapangan Antarabangsa Brunei;
4. Pos Kawalan Kuala Lurah; dan
5. Pos Kawalan Sungai Tujuh

Bagi sebarang penjelasan dan maklumat lanjut, sila hubungi Kaunter Perkhidmatan Pelanggan di talian 2382361 semasa waktu pejabat iaitu: pada hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu, pada pukul 7.45 pagi hingga 12.15 tengahari dan 1.30 petang hingga 4.30 petang atau emel kepada info@customs.gov.bn

11 Mei 2019
Rujukan RCED/NOT/1